

TEKSUCAPAN

Y.BHG. DATO' IR HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERASMIAN PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN PERSIJILAN OHSAS 18001:2007/MS

1722:2011

DAN MS ISO/IEC 27001:2007 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA TAHUN 2013

PADA 9 JULAI 2012

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.BERUSAHA EN PARAMA ISWARA SUBRAMANIAM

PENGURUS BESAR KANAN

JABATAN PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN

SIRIM MALAYSA.

TIMBALAN-TIMBALAN KETUA PENGARAH DAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN DI LLM.

PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN LEMBAGA LEBUHRAYA

MALAYSIA ; DAN

WAKIL-WAKIL DARIPADA MAMPU, SIRIM DAN SYARIKAT KONSENSI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SELAMAT PAGI DAN SALAM 1MALAYSIA.

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA
DI ATAS LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN, KASIH DAN
SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK BERSAMA-SAMA PADA HARI INI
DALAM PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DAN MAJLIS
PENGANUGERAHAN PERSIJILAN OHSAS 18001:2007/MS 1722:2011DAN MS ISO/IEC
27001:2007 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA TAHUN 2013.

YBHG DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN,

2. SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI YANG MENGAWALSELIA LEBUH RAYA, LLM SENTIASA MENITIK BERATKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DALAM SETIAP AKTIVITI PEMANTAUAN PERANCANGAN, PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN LEBUH RAYA. KUALITI DAN PERKHIDMATAN WARGA KERJA LLM AKAN LEBIH BERKESAN APABILA SENTIASA MENGUTAMAKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN. GABUNGAN ANTARA PEMATUHAN AMALAN KERJA YANG STANDARD, SELAMAT DAN SIHAT AKAN MENJADIKAN KERJA HARIAN KAKITANGAN LEBIH SELAMAT, KOS EFEKTIF, PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN MENGURANGKAN RISIKO TERJADINYA KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA.

3. SEHUBUNGAN DENGAN ITU DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 30, AKTA KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514), JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN LLM TELAH DITUBUHKAN UNTUK MEMANTAU DAN MENGUATKUASAKAN SEMUA ISU BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN. PENWUJUDAN JAWATANKUASA INI PENTING SUPAYA IANYA DAPAT MENJAMIN WARGA KERJA LLM BERADA DI DALAM SUASANA KERJA YANG KONDUSIF, SERTA DAPAT MEMBUKTIKAN KEPADA PELANGGAN BAHAWA ORGANISASI INI MAMPU MELAKSANAKAN KERJA MEREKA DALAM KEADAAN SELAMAT SEPENUHNYA. SEJAK TAHUN 2011, PELBAGAI USAHA TELAH DIJALANKAN BAGI MENGWUJUDKAN KESEDARAN BETAPA PENTINGNYA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA. ANTARANYA ADALAH MENGADAKAN CERAMAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA, MENGWUJUDKAN UNIT TINDAKAN KECEMASAN, MEMBANGUNKAN MANUAL PROSIDUR KERJA YANG

BERKAITAN DENGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN, DAN MENGADAKAN HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN SEPERTIMANA HARI INI.

4. ATAS SEGALA HASIL USAHA YANG TELAH DILAKSANAKAN SELAMA DUA TAHUN, ALHAMDULILLAH PADA 4 JANUARI 2013 LLM TELAH BERJAYA MEMPEROLEHI PERSIJILAN OHSAS 18001:2007/MS 1722:2011 YANG MEMBUKTIKAN BAHAWA LLM MERUPAKAN SEBUAH ORGANISASI YANG MENGAMALKAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN MENGIKUT PIAWAIAN ANTARABANGSA. INI JUGA MENUNJUKKAN LLM BEGITU KOMITED DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN & KESIHATAN SETIAP WARGA KERJA LLM TERPELIHARA. PERSIJILAN YANG DIPEROLEHI INI ADALAH TERTUMPU KEPADA PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA SEMASA MENGAWALSELIA DAN MEMANTAU PEMBINAAN, OPERASI, PENYENGGARAAN LEBUH RAYA DAN BANGUNAN LLM SERTA AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT. IANYA MELIBATKAN SEMUA WARGA LLM YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MELAKSANA, MENGAMAL DAN MENYUMBANG KEPADA SISTEM OHSAS YANG BERKESAN SERTA MELAKSANAKAN PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN KE ATAS KONTRAKTOR DALAMAN YANG DILANTIK OLEH LLM.

YBHG DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN

,

5. PERTUMBUHAN PESAT PENGGUNAAN ICT, TERUTAMANYA MELALUI KEMUDAHAN INTERNET, MEMBOLEHKAN MAKLUMAT DIPEROLEHI SECARA LEBIH MUDAH DAN SEKALIGUS MEMUNGKINKAN BERLAKUNYA PENCEROBOHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN KEBOCORAN MAKLUMAT KERAJAAN. STATISTIK

MENUNJUKKAN INSIDEN KESELAMATAN SIBER DARI JANUARI HINGGA OKTOBER 2012 MENCECAH 13,173 KES IAITU 112 PERATUS LEBIH TINGGI BERBANDING KES BAGI TEMPOH YANG SAMA PADA TAHUN 2011. JIKA DAHULU, PENGGODAM MENGAMBIL MASA YANG AGAK PANJANG UNTUK MENGGODAM ASET ICT, NAMUN PADA MASA SEKARANG IANYA HANYA BEBERAPA SAAT SAHAJA. MEREKA DENGAN MUDAH MENCEROBOH MASUK MELALUI PENGGUNAAN *HACKING TOOLS* YANG BOLEH DIPELAJARI ATAU DIMUAT TURUN DARI INTERNET.

6. MELIHAT KEPADA SENARIO TERSEBUT, LLM TELAH MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENINGKATKAN KAWALAN KESELAMATAN MAKLUMAT BERDASARKAN STANDARD KUALITI ANTARABANGSA. PELBAGAI USAHA TELAH DILAKUKAN BAGI MENGAWAL KEBOCORAN MAKLUMAT MELALUI TEKNOLOGI ICT. ANTARA YANG TELAH DILAKSANAKAN ADALAH PENYEDIAAN MANUAL PROSIDUR, BENGKEL-BENGKEL KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT DAN PENGAUDITAN PENGGUNAAN PROSIDUR. HASIL DARIPADA USAHA TERSEBUT, LLM TELAH DIANUGERAHKAN PERSIJILAN MS ISO/IEC 27001:2007 YANG MANA SKOP PERSIJILAN ADALAH PENGURUSAN PENGOPERASIAN PUSAT DATA LLM. PERSIJILAN YANG DIPEROLEHI PADA 3 MEI 2013 INI ADALAH SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN SUPAYA SEMUA AGENSI KERAJAAN MELAKSANAKAN PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT MENGIKUT MS ISO/IEC 27001:2007

YBHG DATO' DAN HADIRIN SEKALIAN

7. DENGAN PENGANUGERAHAN DUA SIJIL INI IAITU MS 18001:2007/MS 1722:2011 DAN MS ISO/IEC 27001:2007, SAYA YAKIN IANYA AKAN LEBIH

MEMBANTU LLM DALAM MEMANTAPKAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN SERTA MEMPERKUKUHKAN KESELAMATAN MAKLUMAT DI LLM DAN SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT DIMANFAATKAN OLEH SEMUA SYARIKAT KONSESI DAN PENGGUNA LEBUH RAYA. SAYA JUGA BERHARAP DENGAN PERSIJILAN INI USAHA YANG BERLIPAT GANDA AKAN DIAMBIL UNTUK MELAKSANA DAN MENGUATKUASAKAN APA YANG TELAH DI RENCANAKAN. SAYA JUGA MENYARANKAN KEPADA SEMUA SYARIKAT KONSESI UNTUK MENDAPATKAN PERSIJILAN OHSAS 18001:2007/MS 1722:2011 DAN MS ISO/IEC 27001:2007 KERANA IANYA AKAN MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN DAN KEPERCAYAAN PENGGUNA LEBUH RAYA AGAR MERASA SELAMAT DAN SELESA KETIKA MENGGUNAKAN LEBUH RAYA.

8. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK SIRIM DAN MAMPU YANG TELAH MEMBANTU HASRAT LLM UNTUK MENJADIKAN ORGANISASI INI MANTAP DARI SEGI PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA SERTA PENGURUSAN DATA ICT. UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK DALAM MENJAYAKAN PENCAPAIAN PERSIJILAN. SAYA YAKIN DAN PERCAYA PENGANJURAN MAJLIS INI AKAN MENJADI WAHANA KEPADA PENCETUSAN SEMANGAT DALAM USAHA MENERUSKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP DAN TERBAIK.

9. DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM SAYA SUKACITANYA MERASMIKAN PROGRAM HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN LLM 2013.

SEKIAN, TERIMA KASIH.